

13/12/1999

Mengurangkan permainan politik

Kadir Dikoh; Johny Giles Senin

PELANTIKAN orang bukan politik dalam Kabinet berdasarkan kepakaran mereka, memberi banyak kelebihan daripada keburukan. Antara kelebihannya ialah membebaskan jawatan itu daripada permainan politik, memberi peluang kepada orang yang mempunyai kepakaran tertentu mentadbir negara secara terus, iaitu dalam Kabinet, mengurangkan politik wang serta kecaman kepada musuh parti.

Namun, ada juga keburukannya termasuk menidakkan peluang ahli yang bermati-matian berjuang untuk parti, ahli berasa tiada insentif dalam perjuangan dan akan menimbulkan jurang dengan rakyat peringkat bawah.

Ini adalah antara pendapat orang ramai yang dihubungi untuk mengulas pelantikan Musa sebagai Menteri Pendidikan yang baru.

Tokoh akademik, Profesor Tan Sri Awang Had Salleh berkata, pelantikan orang di luar parti seperti Musa, dijangka membebaskan terus jawatan itu daripada sebarang tekanan politik bagi kepentingan pendidikan negara.

Katanya, usaha mengurangkan tekanan politik juga sudah dilakukan sebelum ini apabila wakil dari Sarawak, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, dilantik menyandang jawatan itu.

"Jawatan Menteri Pendidikan ini biasanya disandang oleh mereka dari Semenanjung. Kemudian, orang dari Sarawak dilantik, yang mungkin mengurangkan permainan politik.

"Sekarang, orang yang di luar politik dilantik sebagai Menteri Pendidikan yang diharap melepaskan sama sekali kecenderungan politik, walaupun ini belum terjamin," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan senarai Kabinet barunya dengan menampilkan sembilan menteri baru termasuk Musa sebagai Menteri Pendidikan.

Musa adalah Naib Canselor USM, Pulau Pinang, dari 1982 sehingga 1996 sebelum bersara pilihan dan digantikan oleh Prof Datuk Dr Ishak Tambi Kechik sehingga kini.

Selepas bersara, Musa yang menjadi pegawai pertama menerajui Sekolah Sains Farmasi USM dari 1972 sehingga 1979 itu, meneruskan sumbangan dalam bidang pendidikan dengan menjadi Ahli Lembaga Pengarah Kolej Sedaya, iaitu sebuah kolej swasta yang tidak asing lagi di negara ini.

Awang Had yang juga Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia berkata, Indonesia memilih tiga golongan ke dalam pentadbiran negara berkenaan, iaitu wakil rakyat, intelek dan tentera.

Katanya, Malaysia nampaknya mula mencontohi Indonesia apabila turut melantik golongan intelek sebagai menteri Kabinet meskipun bukan di kalangan wakil rakyat.

"Ini adalah langkah rujukan untuk panduan pada masa akan datang. Namun, semua itu bergantung kepada Perdana Menteri yang berhak melantik sesiapa saja menganggotai Kabinetnya," katanya.

Awang Had juga berkata, kepimpinan Musa ketika mengetuai USM akan membantu memudahkan beliau melaksanakan tugas mencabar dan berat ini.

Katanya, kepercayaan Dr Mahathir membawa bekas ahli akademik ke dalam kerajaan adalah satu pengiktirafan kepada golongan pendidik di negara ini.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaime Ibrahim, pula berkata, berikutan perubahan yang dilakukan Dr Mahathir itu, seseorang kini tidak boleh lagi melihat kedudukan dalam parti sebagai jaminan kedudukan dalam Kabinet.

"Namun, antara kebaikan langkah mengambil orang luar ke dalam Kabinet

ialah ia boleh mengurangkan politik wang apabila ada perebutan jawatan dalam parti.

"Malah, langkah itu juga memberi peluang kepada orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu untuk mentadbir negara secara terus seperti dalam Kabinet. Ini akan menjadikan Kabinet lebih berwibawa," katanya.

Bagaimanapun, beberapa keburukan juga boleh timbul dengan mengambil orang luar sebagai anggota Kabinet seperti menyebabkan rasa kecewa ahli yang berjuang habis-habisan dalam parti, tetapi akhirnya tidak dilantik ke jawatan kanan dalam kerajaan.

"Orang yang berjuang dalam parti ini selalunya dari bawah dan proses ini mengambil masa. Meskipun perjuangan mereka tidak mengharap imbuhan, tetapi tiba-tiba orang luar diambil menyandang jawatan kanan dalam kerajaan sedangkan mereka sudah lama berjuang dalam parti.

"Inilah antara kesan keburukannya. Namun, bagi pelantikan Menteri Pendidikan yang baru, yang penting ialah kepakarannya," katanya.

Bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula berkata, pelantikan Musa adalah satu percubaan inovatif yang tidak pernah dilakukan Perdana Menteri.

Katanya, semua pihak harus memberi sokongan dan peluang kepada Musa untuk menunjukkan sumbangannya dalam usaha memajukan bidang pendidikan negara.

Najib juga yakin Musa akan meneruskan kecemerlangan sistem pendidikan negara, berlandaskan undang-undang yang sudah diwujudkan ketika beliau menerajui kementerian itu.

"Beliau harus memastikan peluang pendidikan terus terbuka luas. Pada masa yang sama, beliau harus memikirkan cara bagaimana guru boleh dibentuk supaya terus bersama kerajaan," katanya.

(END)